

## **KITAB BINTANG 12 ABU MA'SYAR AL-FALAKIY: MENURUT PERSPEKTIF SYARAK** *THE BOOK OF THE 12 STARS OF ABU MA'SYAR AL-FALAKI: ACCORDING TO THE ISLAMIC PERSPECTIVE*

Muhammad Mustaqim Zawawi<sup>1</sup>, Roslan Umar<sup>1,2</sup>, Amirul Hazim Kamarulzaman<sup>2</sup>, Faqihah Abdul Samad<sup>3</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>1</sup>, Ahmad Lutfi Afifi Mohd Nasir<sup>2</sup> & Ahmad Hariz Bely<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>2</sup> Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin,

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

### ARTICLE INFO

\*Author Email Address:  
[roslan@unisza.edu.my](mailto:roslan@unisza.edu.my)

Received Date:  
26 October 2023

Accepted Date:  
1 November 2023

Published Date:  
25 December 2023

Kata Kunci:  
Ilmu perbintangan, astrologi, bintang 12,  
Islam

Keywords:  
*Ilmu perbintangan, astrology, 12 stars, Islam*

#### Cite as:

Muhammad Mustaqim Zawawi, Roslan Umar, Amirul Hazim Kamarulzaman, Faqihah Abdul Samad, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Ahmad Lutfi Afifi Mohd Nasir & Ahmad Hariz Bely. 2023. Kitab Bintang 12 Abu Ma'yar al-Falakiy: Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 25(3): 45-57

### ABSTRAK

Ilmu perbintangan adalah salah satu cabang ilmu yang tertua di dunia. Ilmu ini merangkumi kajian astronomi dan astrologi dengan fokus kepada objek langit. Dalam konteks masyarakat Melayu, Bintang 12 atau zodiak telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi, termasuk oleh umat Islam pada Ketika itu. Walaupun tradisi ini mempunyai sejarah yang panjang, perbincangan hukum pengamalannya masih kurang mendalam dan sering dipandang negatif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, berdasarkan kajian yang lepas. Kitab Usul Fikah, Kitab Turath, Kitab Bintang Dua Belas serta dokumen sejarah Islam digunakan untuk mengupas pandangan dan hukum syarak mengenai pengamalan Bintang 12. Melalui temu bual pakar dan analisis dapatan. Kajian mendapati bahawa pengamalan ilmu ini dibahagikan kepada kategori hukum harus dan haram, dengan dalil *Sadd al-Zarā'if* digunakan untuk mengelakkan kemudaratan akibat salah guna. Oleh itu, perlu diketahui bahawa perbincangan berkenaan dengan Bintang 12 perlu di perluaskan agar kajian dalam bidang ini dapat dilakukan dengan lebih teliti dan mendalam.

### ABSTRACT

*Astrological knowledge is one of the oldest branches of science in the world. It encompasses the study of astronomy and astrology, which focusing on celestial objects. In the context of Malay society, the 12 Stars or zodiac have been practiced since ancient times, including by Muslims of that era. Although this tradition has a long history, the discussion of its legal rulings remains insufficiently in-depth and is often viewed negatively. This study employs a qualitative approach, based on previous research. The Kitab Usul Fikah, Kitab Turath, Kitab Bintang Dua Belas, and Islamic historical documents are used to examine Islamic perspectives and legal rulings regarding the practice of the 12 Stars through expert interviews and analysis of findings. The study reveals that the practice of this knowledge is divided into categories of permissible and prohibited, with the evidence from Sadd al-Zarā'if used to prevent harm resulting from misuse. Therefore, it is important to expand the discussion on the 12 Stars to enable more detailed and thorough research in this field.*

## PENGENALAN

Menurut Djulianto Susantio (2014), astrologi secara umumnya merupakan sebuah ilmu pengetahuan serta seni dalam mempelajari kaitan antara kitaran objek-objek di langit dan kehidupan manusia di bumi. Perkembangan ilmu astrologi berlaku di Yunani kerana hal ini dapat dilihat pada penggunaan istilah-istilah yang diguna pakai adalah berdasar dari tamadun tersebut. Di antara perbincangan yang termasuk dalam ilmu astrologi adalah perbincangan berkaitan zodiak ataupun dikenali sebagai bintang 12.

Perbincangan bintang 12 adalah berkaitan dengan buruj-buruj yang ada di langit mengikut 12 bulan dalam kalendar Masihi. Bintang 12 ataupun zodiak merupakan nama umum bagi buruj-buruj yang berada di langit bumi yang berubah-ubah mengikut kitaran bulan-bulan Masihi dalam setahun. Nama-nama bintang 12 tersebut dikenali sebagai Aries, Taurus, Gemini, Cancer, Leo, Virgo, Libra, Scorpio, Sagitarius, Kapricorn, Akuarius dan Pises. Bintang 12 merupakan sesuatu yang tidak lagi asing dalam masyarakat di seluruh dunia. Perkara ini lebih sinonim jika disebut sebagai zodiak. Terdapat beberapa catatan sejarah yang menunjukkan penemuan serta pengamalan masyarakat pada zaman dahulu yang berkait dengan bintang 12.

Bintang 12 merupakan salah satu cabang ilmu yang mempunyai nilai ilmu yang tinggi yang dapat membantu perkembangan serta kemajuan sesebuah masyarakat. Namun sebahagian masyarakat telah menjadikan Bintang 12 ini sebagai salah satu cara untuk mereka melakukan ramalan. Menurut Anita Salamah (2017), kepercayaan kepada perkara ramalan seperti menilik ramalan melalui Bintang 12 merupakan salah satu bentuk khurafat dan syirik. Larangan dalam mempercayai ramalan jelas dinyatakan dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas RA:

مَنْ اقْتَبَسَ عِلْمًا مِنَ النُّجُومِ، اقْتَبَسَ شُعْبَةً مِنَ السِّحْرِ زَادَ مَا زَادَ

Maksudnya: Barang siapa mempelajari ilmu nujum, sungguh ia telah mempelajari sebahagian dari ilmu sihir. Bertambah dari ilmu sihir apa yang bertambah dari ilmu nujum.

(Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Adab, Bab Ta'allumi al-Nujum, No Hadis 3726)

Hadis di atas menjelaskan bahawa ilmu bintang yang diharamkan adalah ilmu untuk meramal nasib seseorang berdasarkan kajian bintang. Perkara-perkara yang berupa tilik nasib dan ramalan melalui ilmu perbintangan mengandungi unsur-unsur kebergantungan serta mengakui bahawa terdapat perkara ataupun entiti lain yang boleh memberi manfaat selain Allah SWT seterusnya menjadikan ramalan melalui ilmu perbintangan ini tergolong dalam perkara syirik. Sebagaimana yang dinyatakan, ilmu ramalan berasaskan Bintang 12 ini adalah perkara yang dilarang dalam syarak. Namun, tidaklah semua ilmu berkaitan ilmu bintang ini menyanggah syarak. Bahkan ilmu ini mempunyai bahagian yang penting serta bermanfaat dalam kehidupan manusia.

Berdasarkan isu di atas, hal tersebut menunjukkan bahawa ilmu berkaitan ramalan berdasarkan Bintang 12 telah menjadi amalan dalam masyarakat bermula dari zaman dahulu sehingga ke zaman sekarang. Hal ini telah menyebabkan ilmu berkaitan perbintangan ini telah disalah guna walaupun terdapat manfaat yang dapat membantu masyarakat manusia. Pertembungan di antara salah guna dan manfaat daripada ilmu perbintangan ini menjadi dasar kepada perbincangan kerana perkara ini memerlukan penjelasan yang mendalam dalam penentuan kebolehan untuk mengambil manfaat daripada Bintang 12 di samping menjauhi sebarang amalan yang terkeluar dari batas landasan syarak.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Ilmu Perbintangan**

Ilmu perbintangan secara umum dapat diertikan sebagai kajian ilmu tentang bintang sebagaimana yang dibahasakan pada bab pendahuluan. Ilmu ini telah lama muncul dalam peradaban manusia yang akan dibahasakan dalam perbahasan akan datang. Selain itu, ilmu perbintangan banyak digunakan oleh masyarakat sejak pada zaman awal kemunculan ilmu ini hingga zaman sekarang. Penggunaan ilmu perbintangan pada zaman dahulu berbeza mengikut tujuan masing-masing. Sebahagian menggunakan ilmu perbintangan untuk mengkaji bintang-bintang di langit serta meramal musim-musim penuaian dan sebagainya (Lukman Hakim, 2023). Selain itu, terdapat juga golongan yang menggunakan ilmu ini dalam konsep perkara mistik seperti meramal masa hadapan, penyembahan bintang dan menilik nasib seseorang. Setiap perkara yang disebut di atas mempunyai hukum serta perbahasan yang terperinci. Namun kedatangan serta penyebaran Islam secara global menapis setiap perkara yang bertentangan dengan syarak.

Ilmu perbintangan dapat disimpulkan kepada dua definisi umum. Pertama, ilmu perbintangan dapat dilihat dari sudut positif dan lebih umum iaitu ilmu yang mengkaji objek-objek langit atau jirim samawi berkaitan dengan hal keadaannya (Faizal Jani, 2022). Jika dilihat dari perspektif Islam dan manfaat ilmu perbintangan, ia dapat diterjemahkan sebagai ilmu pengetahuan untuk mengetahui arah kiblat, musim-musim dalam kalendar dan sebagai penunjuk arah berdasarkan pengetahuan terhadap objek langit (Lukman Hakim, 2023). Kedua, ilmu perbintangan dapat didefinisikan dengan lebih khusus berbanding definisi pertama serta lebih menghampiri kepada perbahasan mistik. Definisi kedua ialah ilmu pengetahuan berkaitan objek langit dengan bertujuan untuk meramal nasib serta masa hadapan.

Istilah astronomi merupakan istilah yang tidak asing lagi dalam ilmu perbintangan. Malah astronomi merupakan antara ilmu yang menjadi dasar perbincangan dalam perbahasan ilmu yang melibatkan ilmu falak dan ilmu perbintangan secara umumnya. Astronomi merupakan sebuah ilmu yang telah lama wujud dalam masyarakat manusia sebelum kedatangan agama Islam. Arwin (2017) menyatakan bahawa permulaan pemahaman manusia berkaitan ilmu astronomi hanyalah merangkumi perkara yang didasari dengan pemerhatian pada alam sekeliling seperti terbit dan terbenam bulan, matahari, planet-planet, bintang-bintang, perubahan cuaca bagi penentuan jadual perdagangan, aktiviti keagamaan dan lain-lain.

Ilmu astrologi adalah salah satu ilmu yang turut dikaitkan dengan ilmu perbintangan. Bagi istilah astrologi secara khusus, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat mendefinisikan ia sebagai ilmu nujum iaitu ilmu peramal akan sesuatu berdasarkan kajian terhadap bintang-bintang. Menurut Shafiq Ali (2016), bintang-bintang yang menjadi kebiasaan rujukan bagi masyarakat Melayu adalah merujuk kepada Bintang 12. Mursyid Fikri dan Rasywan Syarif (2019) dalam sebuah kajian mereka menyatakan bahawa istilah astrologi merupakan sebuah perkataan yang diambil dari bahasa Yunani yang bermaksud ilmu berkaitan bintang-bintang.

### **Konsep Bintang 12**

Ilmu berkaitan ramalan merupakan sebuah ilmu yang telah berlegar sejak tamadun awal manusia lagi. Ilmu untuk meramal ini adalah didasari dengan peredaran planet-planet secara umum dan secara khususnya peredaran bintang-bintang sehinggakan ilmu ini boleh dikaitkan dengan astrologi. Menurut Nur Fadilah (2021) masyarakat pada zaman dahulu memahami objek-objek langit dengan fahaman mitos. Menurut beliau juga, antara amalan masyarakat dahulu yang masih wujud sehingga kini ialah ramalan berdasarkan zodiak. Konsep Bintang 12 tidak berbeza dengan prinsip ramalan ilmu tanjim iaitu menurut Ibnu Taimiyah sebagai ilmu ramalan kejadian di bumi berdasarkan kedudukan bintang-bintang.

Bentley (1950) mendefinisikan zodiak berdasarkan bahasa Yunani sebagai '*little animals*' yang bermaksud haiwan-haiwan kecil. Nur Fadilah (2021) mendefinisikan zodiak sebagai 12 buruj atau gugusan bintang sepanjang ekliptik yang membentuk gelang mengelilingi orbit bumi yang mengelilingi matahari. Bintang 12 atau zodiak merupakan buruj iaitu gugusan bintang-bintang di langit yang membentuk corak tertentu pada waktu malam. Corak yang terlihat pada waktu malam tersebut merupakan peredaran 12 gugusan bintang-bintang tertentu yang melintasi langit bumi dalam setahun. Selain itu, zodiak juga dikenali sebagai horoskop yang bermaksud sesuatu yang memberi petunjuk kepada pemahaman terhadap watak atau karakter, nasib seseorang dan perkara yang berkaitan dengannya.

J. C. Bentley (1950) turut menyatakan bahawa zodiak ini merupakan ilmu kuno yang telah wujud beribu tahun yang dulu. Beliau mendefinisikan *signs* dalam tajuk artikel beliau 'The Signs of The Zodiac' sebagai 12 bahagian daripada sebuah bulatan. Hal ini bertepatan dengan 12 buruj yang muncul setiap tahun. Setiap zodiak ini mempunyai nama tersendiri dan tempoh waktu mereka dapat dilihat di langit. Menurut Nur Fadilah (2021) setiap zodiak ini hanya akan muncul sekali dalam setahun dengan tenggelamnya satu gugusan bintang maka akan diganti dengan gugusan yang lain.

Setiap buruj atau Bintang 12 di atas akan beredar di langit bumi selama 29 hingga 32 hari berdasarkan tempoh pergerakannya yang sebenar. Pada awal kajian, zodiak hanya terlihat sebanyak 6 buruj sahaja. Hal ini menunjukkan penemuan garis ekliptik menyebabkan penemuan buruj-buruj lain secara berperingkat. Secara umumnya, Bintang 12 merupakan 12 gugusan bintang atau buruj yang dikenali sebagai zodiak. Setiap buruj yang dinyatakan mempunyai nama serta tempoh kemunculan masing-masing yang berulang setiap tahun.

## Bintang 12 dalam Alam Melayu

Bintang 12 bukanlah perkara dan amalan yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini adalah kerana Bintang 12 sudah wujud dan menjadi amalan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Menurut Haron Daud (2010), masyarakat Melayu Islam mempercayai bahawa terdapat unsur tanah, air, api dan angin dalam penciptaan manusia yang menjadi antara perbincangan penting dalam astrologi barat. Unsur-unsur yang disebutkan ini sedikit berbeza dengan unsur yang berlegar dalam fahaman masyarakat Cina iaitu kayu, api, tanah, air dan logam yang menentukan penghasilan unsur yang lain seperti kayu yang terbakar menghasilkan unsur api. Shafiq Ali (2016) menyatakan bahawa kajian yang dijalankan oleh Harun Mat Piah menunjukkan bahawa pengetahuan masyarakat Melayu terhadap ilmu-ilmu tersebut merupakan pemerhatian mereka terhadap fenomena yang berlaku di sekeliling mereka.

Terdapat penulisan berkaitan ilmu penujuman yang bersumberkan kitab Abu Ma<sup>c</sup>syar al-Falakī yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan tulisan jawi. Namun dalam kitab asal beliau menggunakan Bahasa Arab bagi menamakan Bintang 12 atau zodiak yang telah dinyatakan pada perbincangan sebelum ini. Jadual dibawah menunjukkan senarai nama Bintang 12 yang digunakan Abu Ma<sup>c</sup>syar al-Falakī:

Bil.	Bintang 12 dalam Bahasa Arab	Bintang 12 dalam Bahasa Yunani	Tempoh Kemunculan
1.	<i>Al-Hamal</i>	<i>Aries</i>	21 Mac hingga 19 April
2.	<i>Al-Tsaur</i>	<i>Taurus</i>	20 April hingga 20 Mei
3.	<i>Al-Jauza'</i>	<i>Gemini</i>	21 Mei hingga 21 Jun
4.	<i>Al-Sarathan</i>	<i>Cancer</i>	22 Jun hingga 22 Julai
5.	<i>Al-Asad</i>	<i>Leo</i>	23 Julai hingga 22 Ogos
6.	<i>Al-Sunbulah</i>	<i>Virgo</i>	23 Ogos hingga 22 September
7.	<i>Al-Mizan</i>	<i>Libra</i>	23 September hingga 23 Oktober
8.	<i>Al-'Aqrab</i>	<i>Scorpio</i>	24 Oktober hingga 21 November
9.	<i>Al-Qaus</i>	<i>Sagittarius</i>	22 November hingga 21 Disember
10.	<i>Al-Jadyu</i>	<i>Kaprikorn</i>	22 Disember hingga 19 Januari
11.	<i>Al-Dalwu</i>	<i>Akuarius</i>	20 Januari hingga 18 Februari
12.	<i>Al-Hut</i>	<i>Pises</i>	19 Februari hingga 20 Mac

Rajah 1: Senarai nama Bintang 12 dalam bahasa Arab dan Yunani serta tempoh kemunculannya.

Khuwaidimullah (2020) dalam penterjemahan beliau terhadap kitab Abu Ma<sup>c</sup>syar al-Falakī turut menyatakan bahawa setiap daripada Bintang 12 ini mempunyai unsur-unsur tersendiri sebagaimana yang dibahaskan. Sebagai contoh, buruj Aries atau bintang *al-haml* dinisbahkan kepada unsur api serta mempunyai ketentuan serta ramalan terhadap individu yang dilahirkan pada tempoh kemunculan bintang ini. Kata Abu Ma<sup>c</sup>syar al-Falakī bahawa individu yang lahir ketika kemunculan bintang *al-hamal* antaranya ialah individu tersebut merupakan seseorang yang kulitnya hitam, cepat marah, cepat baik, berkata perkara yang benar dan beberapa lagi tafsiran yang lain.

Bintang 12 dalam masyarakat Melayu merupakan sesuatu yang telah wujud sejak berabad lamanya dan bukanlah sesuatu perkara yang baru jika dinisbahkan pada zaman kini. Shafiq Ali (2016) menyatakan bahawa masyarakat Melayu telah lama disajikan dengan segala ilmu lama yang diwarisi serta didapati daripada nenek moyang mereka. Beliau turut menyatakan bahawa selain ilmu nujum, ilmu masyarakat Melayu juga merangkumi ilmu azimat, petua dan lain-lain.

### **Konsep Usul Fikah dalam Penentuan Hukum Syarak**

Pengetahuan berkaitan hukum syarak merupakan matlamat dalam ilmu fikah dan usul fikah. Usul fikah merupakan sebuah perbahasan ilmu yang ditetapkan oleh para *uṣūliyyīn* iaitu ulama usul fikah bagi menentukan hukum-hukum syarak bagi suatu permasalahan. Ilmu serta perbahasan fikah pula merupakan sebuah ilmu tentang hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf yang diambil dari dalil-dalil *tafṣīliyyah* atau *juz'īyyah*. Dalil *juz'īyyah* bermaksud dalil yang khusus berkaitan dengan suatu permasalahan yang dibahaskan oleh para ulama. Perbincangan berkaitan definisi hukum syarak dan juga usul fikah memerlukan keterangan yang jelas agar perbahasan berkaitan hukum mempercayai Bintang 12 dapat disampaikan dan difahami dengan baik menurut perspektif syarak.

Menurut Abdul Karim Zaidan (2014) hukum syarak disisi *uṣūliyyīn* ialah *khiṭab* Allah SWT yang berkait dengan perbuatan-perbuatan mukalaf sama ada melalui tuntutan atau pilihan atau *wadh'iy*. *Khiṭab* Allah SWT ialah kalam Allah secara langsung iaitu al-Quran ataupun kalam Allah secara tidak langsung iaitu hadith, ijmak dan sekalian dalil-dalil yang ditetapkan syarak (Abdul Karim Zaidan, 2014). Adapun tuntutan ialah tuntutan untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara seperti hukum wajib, sunat, haram dan makruh. Tafsiran bagi pilihan pula ialah hukum harus. Akhir sekali, hukum *wadh'iy* ialah sesuatu yang menjadi sebab, syarat dan juga penghalang bagi suatu perkara.

Para *uṣūliyyīn* telah membahagikan perbahasan hukum kepada dua bahagian berdasarkan takrif atau definisi yang dinyatakan bagi hukum syarak. Hukum syarak terpecah kepada dua bahagian iaitu hukum *taklīfī* dan hukum *wadh'iy*. Hukum *taklīfī* membawa maksud perkara yang memberi faham erti tuntutan untuk buat atau tuntutan untuk tinggalkan atau pilihan sama ada untuk buat atau tinggalkan. Adapun hukum *wadh'iy* membawa maksud perkara yang memberi faham erti menjadikan sesuatu sebagai sebab bagi yang lain atau syarat atau penghalang.


Muhammad al-Syaukānī (1999) menyatakan bahawa hukum *taklīfī* terdapat lima bahagian. Hukum *taklīfī* dapat dikategorikan sebagai tuntutan *jazm* (pasti) dan *ghairu jazm* (tidak pasti). Sekiranya hukum tersebut atas tuntutan buat secara pasti, maka ia adalah hukum wajib. Manakala sekiranya hukum tersebut atas tuntutan tinggalkan secara pasti, maka ia menunjukkan hukum haram. Adapun jika hukum tersebut atas tuntutan tidak pasti, maka dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah tuntutan tidak pasti berada di antara tuntutan buat dan tinggalkan yang menunjukkan ia adalah hukum harus. Seterusnya jika hukum tersebut merupakan tuntutan buat secara tidak pasti dan tuntutan tinggalkan secara tidak pasti, maka ia membawa hukum sunat dan makruh. Perbahasan hukum bintang 12 mencakupi perbahasan

hukum *taklifi*. Sebagaimana penjelasan di atas, hukum *taklifi* merupakan sebuah hukum yang membahaskan sesuatu perkara dari sudut kewajipan, keharaman, sunat, makruh dan harus.

Dalil dari sudut istilah para *uṣuliyīn* ialah perkara yang membolehkan untuk menyampaikan kepada hukum syarak berdasarkan penelitian yang benar terhadap perkara itu. Setiap hukum yang dikeluarkan dan diputuskan oleh para ulama dan juga pihak yang berautoriti dalam agama bukanlah bersandarkan hawa nafsu. Hukum-hukum yang dikeluarkan mempunyai sandaran tersendiri yang disepakati oleh para ulama. Menurut Abdul Karim Zaidan (2014) dalil-dalil hukum syarak dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah dalil-dalil ini dapat dilihat dari sudut kesepakatan serta perbezaan ulama dalam menerima sesuatu perkara tersebut sebagai dalil. Seterusnya ialah perbezaan dalil-dalil dari sudut *naqli* dan *aqli*. Dalil *naqli* ialah dalil yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, manakala dalil *aqli* ialah dalil yang disandarkan kepada akal.

Bagi perbahasan dalil dari sudut pertama, ia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dalil-dalil yang disepakati oleh seluruh para ulama, dalil-dalil yang disepakati oleh *jumhur* (majoriti) para ulama dan dalil-dalil yang menjadi khilaf antara para ulama (Abdul Karim Zaidan, 2014). Seterusnya, dalil-dalil *naqli* ialah al-Quran dan al-Sunnah serta dalil-dalil yang turut dikaitkan dalam kategori ini ialah ijmak, perkataan para sahabat RA dan syariat orang terdahulu. Adapun dalil-dalil *aqli* ialah qias serta dalil-dalil yang turut dikaitkan dalam kategori ini ialah *al-istihsān*, *al-maṣāliḥ al-mursalah* dan *al-istiḥāb*. Setiap daripada dalil-dalil ini digunakan oleh para ulama empat mazhab utama dalam Islam iaitu al-Imam al-Syafie, al-Imam Malik, al-Imam Hanafi dan al-Imam Ahmad bin Hanbal. Kesemua imam mazhab menggunakan al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias sebagai sumber pendalilan bagi penetapan hukum syarak. Adapun dalil-dalil selain keempat-empat ini menjadi khilaf antara para imam mazhab seperti *al-istihsān*, *al-istiḥāb* dan lain-lain.

**METODOLOGI**



Rajah 1.1: Carta alir metodologi kajian yang dijalankan.

## HASIL KAJIAN

### Bintang 12 Berdasarkan Perspektif Hukum Syarak

Bintang 12 sebagaimana yang dibincangkan pada perbahasan lalu turut dikenali sebagai zodiak. Secara umum Bintang 12 digunakan oleh masyarakat untuk melakukan ramalan berdasarkan buruj-buruj yang muncul mengikut tempoh kemunculan masing-masing. Hal ini memerlukan perbahasan yang terperinci terhadap hukum yang berkait dengan Bintang 12. Menghukumkan seseorang itu kufur merupakan tuduhan yang berat, manakala mengharuskan sesuatu perkara tanpa perbahasan yang mendalam merupakan ketidakpekaan terhadap hukum Islam.

Perbahasan Bintang 12 tidak lari dari hukum syarak atau lebih tepat adalah hukum *taklifi* yang lima iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus serta berkait rapat dengan nas-nas syarak yang menjadi sumber pendalilan. Perbahasan Bintang 12 juga berkait rapat dengan perbahasan dari sudut akidah. Hal ini dapat dilihat sekiranya mempercayai Bintang 12 itu bercanggah dengan akidah, maka syarak menghukumkan haram berdasarkan nas-nas syarak yang dapat difahami melalui kefahaman daripada para ulama.

Berdasarkan sebuah hadith yang dinyatakan pada perbahasan bab pertama dahulu yang menunjukkan larangan untuk meramalkan nasib berdasarkan ramalan bintang. Menurut Ibnu Ruslan dalam *Nail al-Author* perkara yang dilarang yang berkait dengan ilmu bintang adalah ilmu berkenaan alam semesta yang akan berlaku dan tidak berlaku pada masa hadapan. Menurut Faizal Jani (2022), kepercayaan bahawa objek-objek langit dapat memberi kesan merupakan perkara yang bertentangan dengan akidah. Adapun menurut Syeikh Yusuf al-Qardhawī, beliau bersetuju dengan pandangan ulama yang menyatakan bahawa hadith ini tidak mengharamkan ilmu perbintangan yang berkait dengan kajian yang meramalkan fenomena alam yang bakal berlaku.

Menurut laman sesawang rasmi NU Online, nasib itu merupakan suatu perkara yang ghaib yang diketahui oleh Allah SWT dan kita seharusnya bersangka baik pada Allah SWT akan setiap ketentuan-Nya (Kurniawan, 2018). Menurut beliau lagi, perbahasan berkaitan zodiak merupakan perbahasan dalam konteks hukum adat. Hukum adat ialah suatu kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan seperti kenyang dengan makan nasi, sembuh penyakit dengan ubat dan lain-lain. Perbahasan berkaitan Bintang 12 berkemungkinan terjadi kerana kebiasaan sesuatu itu berlaku sehingga menampakkan hubung kait antara peristiwa tersebut dengan sifat-sifat dan nasib seseorang.

Berdasarkan perbahasan tersebut, Bintang 12 merupakan antara sebab yang Allah SWT ciptakan sebagaimana penciptaan sebab-sebab yang lain. Maka dari sudut penentuan hukum bagi mempercayai Bintang 12, perlu dilihat kepada beberapa perincian yang digariskan oleh ulama Islam. Menurut al-Hudhudī (2022) dalam mensyarahkan *Matan Ummu al-Barahin*, terdapat dua golongan yang berpegang bahawa sesuatu tersebut dapat memberi kesan:

- i. Golongan yang berpegang bahawa sesuatu tersebut dapat memberi kesan secara tabiatnya tersendiri. Maka golongan ini dihukumkan kufur tanpa khilaf.
- ii. Golongan yang berpegang bahawa sesuatu tersebut dapat memberi kesan dengan kekuatan yang Allah SWT jadikan pada sesuatu tersebut. Maka golongan ini tiada khilaf

pada hukum bidaah perbuatan tersebut. Adapun hukum kufur menjadi khilaf dalam kalangan ulama.

Menurut Mohamad Razif (2019), hukum mempercayai zodiak atau Bintang 12 dapat dikategorikan kepada beberapa golongan:

- i. Golongan yang meyakini zodiak dapat menentukan baik dan buruk nasib seseorang boleh membawa kepada kekufuran.
- ii. Golongan yang ingin mengetahui nasib berdasarkan zodiak kerana hobi ataupun suka-suka dihukumkan sebagai fasiq dan berdosa besar.
- iii. Golongan yang menggunakan ilmu Bintang 12 atau zodiak dengan tujuan kajian tanpa mempercayainya adalah diharuskan.

Jelaslah disini bahawa mempercayai zodiak yang menentukan nasib semata-mata merupakan dosa besar dan boleh membawa kepada kekufuran. Hal ini menunjukkan kepada pengharaman untuk mempercayai Bintang 12 jika membawa kepada percanggahan akidah, namun jika bertujuan untuk melakukan kajian maka perkara tersebut diharuskan.

## PERBINCANGAN

Perbahasan hukum Bintang 12 telah dibincangkan pada perbahasan sebelum ini. Pada awal kajian, pengkaji telah mendatangkan persoalan tentang perbahasan al-Quran menurut perbahasan syarak. Terdapat kajian-kajian oleh para ilmuwan yang mengharamkan ilmu ini berdasarkan hadis daripada Rasulullah SAW. Pengamal ilmu ini juga dihukumkan sebagai orang yang berdosa besar dan syirik kepada Allah SWT serta dikira melakukan perkara yang dilarang dalam syarak. Para ulama akidah telah menetapkan garis panduan kepada umat Islam dalam mempercayai perkara ghaib, ramalan, sebab dan sebagainya. Rentetan daripada ini, ulama fikah telah menggariskan hukum-hukum syarak berkaitan perbahasan akidah agar umat Islam berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak melepasi garisan yang dilarang oleh Allah SWT.

Berdasarkan daripada analisis yang dijalankan, terdapat beberapa perkara berkaitan bintang 12 yang dapat difahami melalui sudut ilmu Islam. Berikut merupakan hasil analisis berkaitan perbahasan Bintang 12 menurut Islam:

### **Bintang 12 dan Hadis Larangan Mempelajari Ilmu Nujum**

Bintang 12 merujuk kepada buruj atau gugusan bintang. Perbahasan berkaitan buruj disebut di dalam al-Quran secara jelas melalui Surah al-Buruj:

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ

Maksudnya: Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang.

Allah SWT menjadikan Bintang 12 ini sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan manusia. Penggunaan ilmu Bintang 12 berbeza mengikut kaum. Sebagai contoh bangsa Arab dan kaum Yahudi secara umumnya menggunakan Bintang 12 ini dalam kegunaan kehidupan seharian. Manakala bangsa Qibṭi menggunakan Bintang 12 sebagai panduan penjadualan dalam kehidupan.

Hadis riwayat Ibnu ‘Abbas RA merupakan larangan terhadap penggunaan ilmu nujum yang dianggap sebagai ilmu sihir. Bintang 12 merupakan teras perbahasan dalam ilmu astrologi. Namun sebahagian masyarakat telah menyalah guna ilmu Bintang 12 ini sebagai ilmu sihir yang dilarang dalam Islam. Masyarakat manusia sebahagiannya terlibat dengan ilmu sihir dan ilmu hitam sedangkan ilmu ini adalah dilarang dalam syarak sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكَ بِاللَّهِ، وَالسَّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِلَاتِ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: Jauhilah tujuh dosa besar yang membinasakan. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah dosa-dosa tersebut? Rasulullah SAW bersabda: Menyekutukan Allah SAW, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan melainkan dengan alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada perang dan menuduh wanita *muhsan* beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina.

Selain itu, kebimbangan Abdullah Ibnu ‘Abbas terhadap salah guna oleh masyarakat Islam dalam melakukan perkara-perkara yang dilarang sebagaimana yang dilakukan oleh umat-umat terdahulu dapat dilihat melalui periwiyatan beliau RA terhadap hadis Baginda SAW. Hal ini perlu dirujuk kepada asal penciptaan Bintang 12 di mana Allah SWT menjadikan buruj-buruj ini di langit sebagai penjadualan terhadap umat manusia di samping Bintang 12 ini juga berfungsi sebagai pengukur di waktu malam.

### Kitab Bintang 12 oleh Abu Ma<sup>c</sup>syar al-Falaki

Ustaz Hanafiah Abdul Razak merupakan antara ilmuwan falak Islam yang membaca dan mempelajari kitab ini. Berdasarkan pandangan beliau, pengarang berjaya menyediakan maklumat berkaitan Bintang 12 kepada masyarakat. Malah kitab ini juga turut diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Perkara ini terpulang kepada kita untuk menerima maklumat ini ataupun menyalah guna maklumat ini melalui jalan yang salah.

Dalam kitab ini, pengarang berjaya membahaskan Bintang 12 melalui dua aspek iaitu daripada sudut kedudukan Bintang 12 dan sudut dapatan serta perolehan yang boleh didapati daripada Bintang 12 ini. Kedua-dua aspek perbahasan ini membolehkan masyarakat manusia untuk membuat pilihan yang terbaik dalam hidup mereka. Sebagai contoh, melalui aspek pilihan, para ulama terdahulu telah menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat yang terdapat pada kedudukan Bintang 12. Antara tujuan mempelajari Bintang 12 adalah bagi memudahkan manusia untuk membuat pilihan seperti mengetahui musim menuai, mengetahui arah dan membuat jadual.

Seterusnya, aspek tindakan dalam kehidupan pula dapat dilihat apabila Bintang 12 ini digunakan untuk melakukan gerak kerja yang terbaik. Hal ini membawa maksud, setiap tindakan yang dilakukan itu perlulah dirancang dan berstrategi serta menyerahkan hasilnya kepada Allah SWT. Kesimpulan pada perbahasan ini ialah Bintang 12 mempunyai dua nilai penting iaitu nilai tersurat berkaitan dengan kedudukan Bintang 12 itu sendiri dan nilai tersirat iaitu pedoman yang boleh diambil masyarakat manusia berdasarkan Bintang 12.

### **Bintang 12 Alam Melayu, Zodiak dan Ramalan**

Ilmu Bintang 12 yang dibenarkan dalam Islam adalah ramalan semata-mata yang dijadikan sebagai pedoman dan panduan hidup tanpa disertai dengan keyakinan bahawa Bintang 12 itu yang menyebabkan berlakunya satu-satu peristiwa. Ramalan yang disertai dengan keyakinan kepada selain Allah SWT inilah yang menyalahi akidah. Inilah perbahasan Bintang 12 yang diharamkan dalam syarak.

Larangan para ulama terdahulu terhadap kepercayaan dan pengamalan Bintang 12 ini berdasarkan salah satu kaedah usul fikah iaitu *Sadd al-Zarā'īc*. *Sadd al-Zarā'īc* ialah kaedah menutup segala jalan yang boleh membawa kepada kerosakan atau kebinasaan. Para ulama menggunakan kaedah ini sebagai larangan kepada umat Islam untuk mempercayai Bintang 12 ini kerana bimbang mereka melanggar batasan yang digariskan syarak. Hal ini kerana ramalan yang didasari Bintang 12 dikatakan hampir kesemuanya tepat. Larangan yang di buat oleh para ulama Islam bertujuan untuk menghindari umat Islam daripada terjerumus dan meyakini kepada Bintang 12 melebihi qada dan qadar Allah SWT. Selain itu, ramalan Bintang 12 ini juga seharusnya dijadikan sebagai panduan sahaja sebagaimana kompas yang menjadi penunjuk arah.

Namun, terkadang terdapat hujah yang batil seperti kenyataan bahawa pedoman itu mesti menjadi keyakinan. Hal ini menyalahi konsep yang telah kita jelaskan, kerana ramalan itu hanyalah pedoman semata dan bukan keyakinan. Antara syarat mempelajari ilmu Bintang 12 ini adalah perlu mengetahui dalil *Sadd al-Zarā'īc* yang digunakan para ulama sebagai langkah berhati-hati dalam pengamalan ilmu ini. Hal ini kerana hakikat sebenar tentang sesuatu kejadian itu hanyalah milik Allah SWT.

Zodiak sebagaimana dalam perbahasan yang lepas membawa definisi yang sama seperti Bintang 12. Perbezaan yang berlaku adalah pada sudut penggunaan ilmu ini. Sebagai contoh, Bangsa Qibṭi menggunakan ilmu ini dalam ilmu sihir. Kaum Yahudi pula menggunakan ilmu Bintang 12 untuk meraih harta. Bangsa Arab pula menggunakan ilmu ramalan ini untuk

mengenali diri dan mencari peluang yang ada berdasarkan ilmu Bintang 12. Masyarakat China juga turut menggunakan ilmu ini untuk penentuan Tahun Baru Cina. Adapun masyarakat Melayu menggunakan ilmu Bintang 12 ini dalam kalendar musim seperti penggunaan dalam bidang pertanian, ternakan, dan nelayan.

## KESIMPULAN

Bintang 12 merupakan cabang perbahasan daripada ilmu perbintangan yang telah wujud sejak zaman tamadun awal manusia. Bintang 12 juga dikenali sebagai zodiak dalam sudut pandangan yang lebih umum dan istilah yang lebih dikenali oleh masyarakat manusia. Selain itu, Bintang 12 dalam kerangka umum merupakan sebuah fenomena alam yang telah dikaji oleh masyarakat manusia sejak berabad lamanya. Masyarakat Melayu merupakan antara masyarakat yang tidak asing dengan perbahasan Bintang 12. Setiap buruj dalam zodiak seperti Aries, Taurus, Gemini, Cancer, Leo, Virgo, Libra, Scorpius, Sagitarius, Kaprikorn, Akuarius dan Pises mempunyai nama tersendiri dalam catatan masyarakat Melayu seperti bintang *al-Hamal*, *al-Tsaur*, *al-Jauza*, *al-Sarathan*, *al-Asad*, *al-Sunbulah*, *al-Mizan*, *al-'Aqrab*, *al-Qaus*, *al-Jadyu*, *al-Dalwu* dan *al-Hut*.

Setiap perkara yang dilakukan oleh *mukallaft* tidak terlepas daripada perbahasan hukum. Hal ini termasuklah perbahasan berkaitan Bintang 12. Perbahasan hukum syarak dalam Islam perlu melalui konsep usul fikah yang telah digariskan oleh ulama Islam sejak zaman dahulu. Penelitian hukum-hukum serta sumber pendalilan hukum merupakan aspek penting dalam kajian ini bagi mengetahui bagaimana para ulama dan institusi agama menentukan hukum bagi suatu permasalahan khususnya berkaitan Bintang 12.

Akhir sekali, hukum mempercayai bahawa ramalan berdasarkan Bintang 12 semata-mata dapat memberi kesan kepada nasib manusia merupakan antara perkara yang haram berdasarkan penjelasan daripada ulama serta institusi agama. Kurniawan (2018) menyatakan bahawa zodiak tidak mempunyai kaitan secara mutlak dengan nasib manusia kerana segala ketentuan adalah dari Allah SWT. Garis panduan yang ditetapkan oleh para ulama Islam dalam mengamalkan ilmu Bintang 12 haruslah diikuti oleh setiap umat Islam. Adapun hadis-hadis larangan oleh Rasulullah SAW itu tidak lain adalah untuk menyelamatkan umat Baginda SAW daripada terjerumus ke dalam lembah kesyirikan. Hal ini merupakan kesalahan dan dosa besar yang wajar dan seharusnya di jauhi oleh umat Islam.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim Rasm Uthmaniy.  
 Bentley, J. (1950). The Signs of the Zodiac. MNASSA, 9(5), 33-35.  
 Daud, H. (2010). Ilmu nujum: Aspek pernujuman dan pancaran kecendekiaan masyarakat. *Jurnal Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 253-275.  
 Fadilah, N. (2021). Bintang Dalam Al-Qur'an: Wawasan Al-Qur'an Tentang Perbintangan Mitologi dan Ramalan Perbintangan. Tesis Dr. Falsafah. IAIN Kediri

- Hakim, L. (2023). *Prediksi Ekonomi Dengan Perbintangan Reinterpretasi Hadis Musnad Ahmad 2967 Dengan Ma'na Cum Maghza*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Al-Hudhudī, M. (2022). *Syarḥ al-Hudhudī 'alā Ummu al-Barāhīn*. Terengganu: Tafaqquh Resources.
- Jani, M. F. (2022). *Mukhtasar Ilmu Falak Pada Menyatakan Asas Ilmu Falak*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Khuwaidimullah. (2020). *Terjemahan kitab Bintang Dua Belas*. Kelantan: Sidratul Muntaha Enterprise.
- Kurniawan, A. (2018, Februari 17). Bolehkah Mempercayai Ramalan Zodiak dalam Islam? Dilayari dari NU Online: <https://www.nu.or.id/bahtsul-masail/bolehkah-mempercayai-ramalan-zodiak-dalam-islam-vIOjP>
- M. F., & Syarif, M. R. (2019). Eksplorasi pemikiran Abu Ma'shar Al Falaky tentang manusia dan bintang. *ELFALAKY: Jurnal Ilmu Falak*, 3(2), 177-189.
- Mohamad Razif. (2020, Januari 9). AL-AFKAR #74: SIFAT WUJUD ALLAH SWT. Dilayari dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3961-al-afkar-74-sifat-wujud-allah-swt>
- Mohd Ali, M. S. (2016). Apa sainsnya petua, azimat dan nujum. *Laman Jurnal IMAN*, 4(3), 97-101.
- Pratama, M., Ahmadi, N., Patimah, N. S., & Wulandari, N. A. (2023). Kepercayaan terhadap zodiak atau ramalan bintang yang banyak dilakukan oleh remaja. *Gunung Djati Conference Series* . 22, hlm. 276-285. Kota Bandung: Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Qazwini, M. I. (t.th.). *Sunan Ibnu Mājah*. Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Rakhmadi Butar-Butar, A. J. (2017). *Esai-Esai Astronomi Islam*. Medan: UMSU PRESS.
- Razif, M. 2019, Disember 10. AL-AFKAR #68: MUAT TURUN APLIKASI ZODIAK. Dilayari dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3871-al-afkar-68-muat-turun-aplikasi-zodiak>
- Al-Sajistānī, A. S. (1905). *Sunan Abi Daud Ma'a Syarḥihi 'Aunu al-Ma'bud*. Al-Matba'ah al-Ansoriyyah: India.
- Salamah, A. (2017). *Khurafat dalam Perspektif Islam*. Desa Sido Rahayu: UIN Raden Intan.
- Susianto, D. (2014). Astrologi sebagai ilmu bantu epigrafi: sebuah pemikiran. *Berkala Arkeologi*, 34(1), 85-96.
- al-Syaukānī, M. (1999). *Irsyād al-Fuhul ilā Tahqīq al-Haq min 'Ilmi al-Usūl*. Dar al-Kitab al-Arabī.
- Zaidan, D. (2014). *Al-Wajiz fī Uṣūl Al-Fiqh*. Beirut: Resalah Publisher.